

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: Unit Komunikasi Korporat
Sent: Thursday, March 14, 2019 11:09 AM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Siap Siaga, Komunikasi Berkesan Dan Fleksibiliti Tangani Cabaran Tempat Kerja



14 MAC 2019 / 07 REJAB 1440H

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Berita dan gambar oleh: PPA COB

SIAP SIAGA, KOMUNIKASI BERKESAN DAN FLEKSIBILITI TANGANI CABARAN TEMPAT KERJA



UUM ONLINE: "Siap siaga, komunikasi berkesan dan fleksibiliti adalah ciri penting untuk menangani cabaran di tempat kerja," kata Pengarah Urusan LADA Ecotourism Sdn. Bhd., Sharudin Hassan dalam Bengkel Pemantapan Akademik dan Sahsiah Pelajar Siri 2/2019 di DKG 2/2, baru-baru ini.

Beliau turut menekankan sikap, ilmu pengetahuan, penggunaan bahasa serta rangkaian sosial yang baik menjadi kriteria penting untuk menjadi seorang pekerja yang cemerlang.

Selain itu, pelajar juga didedahkan dengan pengalaman serta cabaran yang dihadapi Sharudin semasa bekerja di sektor swasta dan kerajaan.

Bengkel Pemantapan Akademik dan Sahsiah Pelajar Siri 2/2019 yang disertai oleh 250 orang pelajar Pusat Pengajian Pengurusan Perniagaan (SBM) itu dianjurkan Pejabat Pembangunan Pelajar dan Alumni COB (PPA COB) dengan kerjasama SBM.

Sementara itu, Presiden Persatuan Pengurusan Eksekutif (MEC), Nurhidayah Saleem Ahamed berkata, program motivasi tersebut banyak memberi manfaat kepada pelajar kerana ia menyedarkan tentang pentingnya ilmu pengetahuan, kemahiran dalam bidang pekerjaan serta ciri-ciri penting untuk menjadi pekerja sekali gus menjadi pelajar yang cemerlang.

“Program yang sangat bagus kerana memberi pendedahan tentang dunia pekerjaan sebenar dan program seperti ini perlu diadakan pada skala yang lebih besar supaya ia dapat memberi manfaat kepada semua pelajar,” kata Nur Rafidah Halim, pelajar Program Pentadbiran Perniagaan.



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.